

# Majlis Fatwa, IPTA kaji isu kefatwaan

**Putrajaya:** Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengadakan kerjasama strategik dengan tiga institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi penyelidikan isu kefatwaan di negara ini.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Hussin, IPTA berkenaan ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

“Ada keperluan untuk penyelidikan seperti ini kerana dalam dunia moden sekarang, isu berkaitan hukum hakam bukan saja isu lama, tapi banyak isu kontemporari seperti

farmaseutikal, muamalat dan ekonomi yang memerlukan kajian mendalam.

“Kita mendapat dana asas RM1 juta setiap tahun bermula tahun ini daripada Jabatan Perdana Menteri selepas dipersejui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tahun lalu.

“Beliau mahu apa juga berkaitan agama hendaklah berdasarkan fakta ilmiah sebenar, sama ada pandangan lama atau baru,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JAKIM dengan UTM, UPM dan USIM,

di sini semalam.

Shukor berkata lima penyelidikan akan dimulakan dalam masa terdekat dengan kos hampir RM300,000 termasuk penyelidikan Garis Panduan Pengurusan Zakat Asnaf Riqab dan Gharimin: Satu Analisis Komtemporari oleh UTM dan Jabatan Mufti Johor.

## Selidik Mem'bin/binti'kan

Satu lagi penyelidikan ialah Kuantifikasi dan Stabiliti DNA Babi Yang Diekstrak Daripada Daging Campuran dan Produk Diproses Menggunakan Tindak Balas Rantai Polymerase Masa Sebenar Menggunakan Kaedah

Kimia (Taqman) oleh UTM.

USIM pula menyelidik mengenai Mem'bin/binti'kan Anak Tidak Sah Taraf Menurut Perspektif Syarak, Undang-undang dan Sosial dan mengenai Pengurusan Pengagihan Zakat di Malaysia: Kedudukan Orang Bukan Islam sebagai Penerima Zakat dan Garis Panduan Pemindahan Dana Zakat.

Penyelidikan lain USIM ialah Tahap Keterlibatan Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Islam Terhadap Perkara Khurafat serta Cadangan Penyelesaiannya: Kajian di Pulau Besar Melaka dengan kerjasama Jabatan Mufti Melaka.